



PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL • CENTER FOR SHAPING AND PROFESSIONAL EDUCATION

Rujukan : UKM.KPD.BPA.600-6/2/2
Tarikh : 14 Jun 2023

Semua Pelajar Berdaftar
Program Eksekutif dan PBJJ

Saudara/i,

**PENGEDARAN KAD MASUK DAN JADUAL PEPERIKSAAN (KMJP)
SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2022–2023**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2022-2023 program Eksekutif dan Berterusan Jarak Jauh akan diadakan pada **17 Julai hingga 6 Ogos 2023**.

Sehubungan itu, Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) boleh dicetak di SMPE **mulai 20 Jun 2023**. **KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan.**


Pelajar yang masih mempunyai yuran tertunggak dikehendaki menyelesaikan yuran pengajian sebelum peperiksaan akhir semester ini. Sila berhubung dengan Bahagian Kewangan UKMShape untuk maklumat lanjut mengenai status yuran pengajian saudara/i.

Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang nota (digital/fizikal) kecuali dengan kebenaran dan telefon bimbit adalah **DILARANG** untuk dibawa ke dalam dewan peperiksaan. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan.

Sekian, untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

MAZUNA JAMALUDDIN
Bahagian Pengurusan Akademik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4078 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: upppkp@ukm.edu.my Web: <http://www.ukm.my/ukmshape>